



## PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### KENYATAAN TAWARAN

**TARIKH IKLAN : 08 JUN 2026 (ISNIN)**

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam kod bidang **050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender seperti berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN   | HARGA DOKUMEN (RM)                      | TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK  | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL  | SYARAT PENYERTAAN TENDER   | TARIKH TENDER DITUTUP                       |
|---|---|--|---|--|---|
| <p>[FTA (CPTPP)] - Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Tiga (3) Unit Peralatan Perubatan <i>Invasive Cardiac Laboratory</i> (ICL) Untuk Kegunaan Hospital Miri, Hospital Sibu Dan Hospital Tawau Bagi Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang: <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a>) dan MyProcurement [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/ENG]</p> <p>No. Jadual T/P&amp;P : 89/2026</p> | 500.00<br><br>(Tidak akan dikembalikan) | <p>Tarikh : 12 Jun 2026 (Jumaat)<br/>Masa : 9.30 pagi<br/>Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Al-Haitham (BM5), Aras 1, Bahagian Perkembangan Perubatan, Blok E1, Kompleks E, Kementerian Kesihatan Malaysia, 62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p> <p>* Syarat menghadiri taklimat tender:<br/>Hanya <b>PENAMA</b> di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK)/Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) <b>SAHAJA</b> yang boleh hadir ke sesi taklimat/lawatan tapak. <b>Syarikat tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain.</b> Petender hendaklah membawa bersama Cop Rasmi Syarikat, Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan) semasa sesi taklimat berkenaan. <b>PENAMA</b> wajib membawa <b>DOKUMEN</b> di atas bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender.</p> | <p>Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/ lawatan tapak pada 22 Jun 2026 (Isnin).</p> <p>Dokumen boleh diperolehi di:<br/>Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 PUTRAJAYA</p> <p>pada waktu pejabat seperti berikut:<br/><b>ISNIN – KHAMIS</b><br/>8.00 pagi - 1.00 petang<br/>2.00 petang - 4.00 petang<br/><b>JUMAAT</b><br/>8.00 pagi – 12.00 t/hari<br/>2.45 petang – 4.00 petang</p> | <p>1) Petender <b>DIWAJIBKAN</b> untuk menghadiri sesi taklimat tender.</p> <p>2) Petender dikehendaki untuk mematuhi semua peraturan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) dan mengemukakan salinan dokumen seperti berikut:<br/>i) Lesen <i>Establishment</i> dan<br/>ii) Sijil Pendaftaran Peranti Perubatan (MDA)</p> <p>3) Petender <b>HENDAKLAH</b> memiliki Lesen Atom Kelas C di bawah Akta 304 Tahun 1984 yang dikeluarkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (sama ada dimiliki oleh prinsipal atau <i>tendering agent</i>) (Sekiranya berkaitan)</p> <p>4) Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:<br/><br/>(i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;</p> | 10 Ogos 2026 (Isnin), jam 12.00 tengah hari |

|  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  | <p>(ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun termasuk untuk mengubah atau memendekkan tempoh tender tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;</p> <p>(iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (<i>Margin Of Preference</i> - MOP); dan</p> <p>(iv) Program Kolaborasi Industri (ICP) (jika berkaitan)</p> <p>5) Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat sila hubungi:<br/>Cawangan<br/>Perkembangan<br/>Perkhidmatan<br/>Perubatan,<br/>Unit Sumber<br/>Perubatan,<br/>Bahagian<br/>Perkembangan<br/>Perubatan,<br/>Kementerian<br/>Kesihatan Malaysia.<br/>No. Telefon : 03-8890<br/>6045 / 03-8883 1130</p> |
|--|--|--|--|--|

Tempat serahan Dokumen Tender hanya di:

**KAUNTER TENDER  
BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,  
ARAS 7, BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325**

**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA. KEMENTERIAN INI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS SEBARANG KELEWATAN PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER MELALUI POS LAJU / COURIER.**

Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dalam bentuk **Bank Draf atau Money Order sahaja** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia.**

**BAYARAN MELALUI WANG TUNAI/CEK/WANG POS TIDAK DITERIMA.**

**PEMBEKAL-PEMBEKAL YANG INGIN MEMBELI DOKUMEN TENDER DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA YANG ASAL BESERTA SALINAN (TIDAK DIKEMBALIKAN) UNTUK PENGESAHAN PENDAFTARAN**

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia**